

## KEBERKESANAN MODUL LITERASI KEWANGAN BAGI BELIA B40 DI UNIVERSITI AWAM, KUALA LUMPUR

Rihanat Ashade

\*Husaina Banu Kenayathulla

Norfariza Mohd Radzi

Mohd Nazri Abdul Rahman

Simin Ghavifekr

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

\*husaina@um.edu.my

### ABSTRACT

Financial literacy is considered as important skills needed by B40 youth to improve their life. Therefore, modules that can enhanced their financial literacy skills could become tools that will assist them in developing their financial knowledge, behaviour and attitude. This study aim to analyse the effectiveness of financial literacy module for B40 youth in public university in Kuala Lumpur. The quantitative research method using survey has been applied and questionnaires have been distributed to 22 respondents of B40 youth from a public university in Kuala Lumpur. The respondents were tested at early stage and financial literacy module was implemented. Post test was then conducted to find any differences in their financial literacy knowledge, behaviour and attitude. Data were analysed using descriptive statistics of mean and standard deviation together with inferential statistics of paired sample T-test in order to evaluate on the effectiveness of the financial literacy module. It is expected that this study will creates awareness on the need to have financial literacy skills for all individuals particularly for the youth of B40 families in Malaysia.

*Keywords: Financial literacy, Youth, Public university, Effectiveness*

### PENGENALAN

Semenjak beberapa tahun lalu, isu literasi kewangan semakin menjadi perbincangan dalam masyarakat merangkumi pelbagai lapisan umur dan latar belakang kehidupan. Pengurusan kewangan memerlukan disiplin dan ia tidak hanya berfokus kepada kebolehan seseorang dalam menyimpan, tetapi sebaliknya merangkumi belanjawan, pelaburan, insurans, cukai dan banyak lagi. Keperluan bagi literasi kewangan di dalam sesebuah keluarga yang berfokus kepada isu cabaran kewangan adalah semakin meningkat di serata dunia (French & McKillop, 2016; Nordin, Ling, & AbdAziz, 2018) dimana keluarga yang berpendapatan rendah telah dilaporkan sebagai mempunyai literasi kewangan yang terhad (Ning & Lachance, 2012). Dalam konteks di Malaysia, pendapatan isi rumah yang tergolong rendah dikategorikan sebagai B40 dengan anggaran pendapatan isi rumah dari RM4,849 dan ke bawah (Department of Statistics, Malaysia, 2019).

Selain itu, keberkesanan modul kewangan juga menjadi isu yang turut dibincangkan oleh para penyelidik. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa latihan kewangan tidak lagi memberi kesan kepada peserta selepas beberapa tahun mengikuti kursus dan latihan kewangan (Mandell & Klein, 2009). Dengan kata lain, tingkah laku individu yang pernah mengikuti latihan kewangan dan yang tidak pernah

mengikutinya adalah pada tahap yang sama dan modul tidak memberi perubahan positif yang signifikan kepada peserta. Keadaan yang berlaku memerlukan kepada kajian yang mampu merungkai keberkesanan modul yang mampu meningkatkan literasi kewangan para peserta. Penyediaan modul kewangan yang komprehensif akan dapat membantu memberi impak terutamanya kepada golongan belia yang masih baru dalam memulakan kerjaya dan seterusnya mengesahkan kesan positif yang seharusnya diperolehi daripada modul tersebut.

Literasi kewangan merujuk kepada kebolehan seseorang untuk memahami pengurusan kewangan serta mengaplikasikan kemahiran tersebut dalam kehidupan. Literasi kewangan amat penting bagi seseorang individu merancang, mengurus dan seterusnya menilai keadaan kewangan masing-masing. Literasi kewangan merangkumi pengetahuan dan kemahiran kewangan yang luas termasuklah aspek perancangan kewangan peribadi, memahami kehendak dan keperluan dalam hidup, mengurus aset dan hutang, keperluan terhadap insurans atau takaful dan lain-lain lagi. Justeru, literasi kewangan ini seharusnya diperkenalkan seawal usia muda lagi bagi memberi panduan serta pengetahuan asas kepada individu. Ianya juga mampu mengurangkan risiko kegagalan kewangan atau muflis yang semakin menjadi isu bagi generasi muda yang kekurangan pengetahuan asas khususnya dalam kewangan peribadi.

Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan modul literasi kewangan bagi belia B40. Kajian ini melibatkan beberapa siri bengkel bagi memberikan pendedahan kepada pelajar berkenaan modul literasi kewangan. Modul ini merangkumi beberapa topik yang berkaitan dengan konsep literasi kewangan seperti pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan sikap kewangan yang memberi fokus kepada beberapa tajuk tertentu seperti mengenal pasti dan membezakan keperluan dan kehendak, belanjawan, insurans, simpanan dan kad kredit. Ianya amat penting dalam membentuk kesedaran kepada masyarakat khususnya golongan belia yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah atau B40 untuk melengkapkan diri dengan literasi kewangan. Dapatan kajian juga diharap dapat memberi maklumat tentang kepentingan mendapatkan pendidikan kewangan peribadi melalui modul yang tersusun agar golongan belia lebih bersedia untuk merancang dan mengurus kewangan masing-masing.

## **PENYATAAN MASALAH**

Literasi kewangan menjadi keperluan yang sangat diperlukan terutama bagi golongan belia yang masih baru dalam alam pekerjaan. Tahap literasi kewangan yang baik akan dapat membantu mereka mengurus kewangan peribadi mereka dan seterusnya menghindarkan diri daripada bebanan hutang dan ketidakstabilan ekonomi di masa akan datang. Walaubagaimanapun, terdapat laporan daripada G20 Financial Inclusion Experts Group (2010) yang menjelaskan bahawa terdapat beberapa isu kewangan atau cabaran bagi belia, terutamanya mereka yang mempunyai latar belakang berpendapatan rendah. Masalah yang dihadapi oleh mereka yang berpendapatan rendah ini adalah hasil daripada pendapatan yang tidak teratur yang menjurus kepada peningkatan risiko dan ketidakpastian sumber kewangan (Williams & Ben, 2015). Bester, Chamberlain, de Koker, Hougaard, Short, Smith, dan Walker (2008) menjelaskan bahawa terdapat pelajar, terutamanya, mereka yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah yang terlibat di dalam tingkah laku kewangan yang berisiko kerana mempunyai sumber kewangan yang terhad. Isu kekurangan pengetahuan kewangan dan sumber kewangan yang terhad menjadikan senario seperti ini sangat membingungkan.

Di samping itu, terdapat beberapa literatur yang menghubungkan pengetahuan literasi kewangan yang rendah dengan masalah hutang. French dan McKillop, (2016) beserta Schaffer (2016) telah menjelaskan bahawa kekurangan pengetahuan dalam literasi kewangan adalah dikaitkan dengan beban hutang yang tinggi, kelalaian dalam pembayaran hutang dan selanjutnya menanggung kos yang semakin tinggi. Lebih penting lagi, pengetahuan kewangan dan kemahiran menguruskan wang adalah amat penting dalam membuat keputusan yang kukuh dalam kehidupan seseorang ke arah yang lebih baik dan

mempunyai kawalan terhadap kewangan mereka. Justeru, adalah amat penting untuk mengatasi bagaimana pelajar atau golongan belia boleh meningkatkan tahap kemampuan kewangan mereka dan seterusnya bijak dalam membuat keputusan kewangan yang lebih berkualiti. Selain dari tu, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa modul kewangan sedia ada tidak sepenuhnya memberi kesan positif yang signifikan kepada peserta. Kajian oleh Mandell dan Klein (2009) menyatakan bahawa para peserta yang mengikuti latihan kewangan adalah mempunyai tahap literasi yang sama dengan mereka yang tidak menghadiri latihan selepas beberapa tahun mereka mengikutinya.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan modul literasi kewangan bagi belia B40 di universiti awam di Kuala Lumpur.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengkaji tahap literasi kewangan dalam kalangan belia golongan B40 sebelum dan selepas pelaksanaan modul literasi kewangan.
- ii. Menganalisis perbezaan tahap literasi kewangan dalam kalangan belia B40 antara sebelum dan selepas pelaksanaan modul literasi kewangan.

## **SOROTAN KAJIAN**

### *Literasi Kewangan*

Literasi kewangan dicirikan sebagai gabungan kesedaran, pengetahuan, kemahiran, sikap, dan kelakuan yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang mencukupi dan pada akhirnya mencapai kesejahteraan kewangan individu (OECD INFE, 2011). Malahan, penemuan setakat ini telah menunjukkan korelasi positif antara tahap pengetahuan kewangan dan sikap dan tingkah laku kewangan golongan belia (Jorgensen & Savia, 2010). Jika pengetahuan kewangan yang meningkat membawa kepada sikap dan tingkah laku kewangan yang lebih baik, ini memberikan bukti lanjut tentang keperluan untuk pengetahuan kewangan tambahan bagi golongan belia yang menunjukkan bahawa pengetahuan kewangan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku kewangan.

Literasi kewangan membantu dalam membangunkan sikap kewangan yang positif. Justeru, sikap kewangan merupakan perubahan dalam meningkatkan literasi kewangan seseorang individu. Literasi kewangan dan sikap kewangan bukan sahaja menentukan tingkah laku kewangan seseorang individu, malahan kebolehan dan kesejahteraan kewangan harian seseorang dalam membuat keputusan kewangan yang betul. Seperti yang dinyatakan oleh Huston (2010), instrumen literasi kewangan yang direka dengan baik dan pengetahuan berkenaan maklumat pengetahuan kewangan peribadi dapat memberikan gambaran tentang bagaimana pendidikan kewangan dapat meningkatkan modal insan yang diperlukan untuk bertindak secara wajar bagi meningkatkan kesejahteraan kewangan. Literasi kewangan bukan sahaja memerlukan kesedaran, pemahaman dan kemahiran untuk menangani masalah kewangan, tetapi ia juga melibatkan sifat bukan kognitif seperti; keinginan untuk mendapatkan maklumat dan nasihat untuk menjalankan aktiviti kewangan dan kelebihan untuk menguruskan emosi dan psikologi faktor yang mempengaruhi keputusan kewangan (OECD, 2016).

### *Modul Latihan Kewangan*

Dalam menambah pengetahuan dan kemahiran kewangan, kandungan latihan atau modul yang baik pastinya dapat membantu meningkatkan literasi kewangan seseorang individu. Modul latihan


kewangan adalah merujuk kepada bahan latihan atau pengajaran yang mengandungi pengetahuan kewangan tentang belanjawan, perbelanjaan, pinjaman dan beberapa lagi bagi membantu individu bagi membuat keputusan yang berkaitan dengan kewangan peribadi mereka (International Labour Organization, 2008). Kajian lampau turut menghuraikan impak pendidikan literasi kewangan kepada individu terutama golongan belia yang masih belum mempunyai kerjaya. Kebanyakan kandungan modul literasi kewangan memberi impak positif terhadap pengetahuan, kemahiran serta tingkah laku kewangan belia dan mampu menjadikan mereka lebih berpengatahuan dalam membuat keputusan kewangan (Carlin & Robinson, 2010; Alejandro, Fischer & Schoar, 2014). Kajian terhadap pengajaran literasi kewangan kepada sekumpulan pelajar kolej juga secara spesifik berjaya menghasilkan perubahan tingkah laku kewangan para pelajar serta keupayaan mereka untuk merancang kewangan dan membuat simpanan dengan lebih awal (Wann, 2017).

Jenis latihan literasi kewangan ini boleh membantu merubah tingkah laku orang ramai secara positif dan untuk menjadi lebih berilmu demi membantu urusan kewangan mereka. Lusardi dan Mitchell (2014) memberi kesimpulan bahawa literasi kewangan mempengaruhi tingkah laku kewangan dan kemudiannya akan turut memberi kesan kepada sikap. Collins (2013) bersetuju bahawa pengetahuan kewangan yang meliputi tahap penyimpanan yang tinggi, penggunaan akaun bank dan tingkah laku kredit yang baik akan dapat membantu individu dalam memperolehi pengetahuan kewangan dan kemudiannya mengkaitkan ia dengan tingkah laku kewangan. Pendidikan kewangan adalah salah satu langkah bagi meningkatkan modal insan individu, terutamanya di bahagian literasi kewangan. Adalah amat penting bagi instrumen mengukur literasi kewangan direka bentuk secara baik bagi memperolehi maklumat tentang sejauh mana pengetahuan kewangan boleh meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kewangan. Kemahiran inilah yang diperlukan untuk meningkat kesejahteraan kewangan individu bagi merancang dan mengurus kewangan dengan lebih baik (Huston, 2010).

Di Malaysia, kekurangan literasi kewangan dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah telah menjadi lebih meruncing dan rumit kerana terdapatnya bebanan hutang yang tinggi dalam kalangan rakyat terutamanya golongan belia (Adzis, Hanita, & Shahar, 2017). Belia daripada kumpulan berpendapatan rendah dikatakan sering tidak mempunyai pendedahan yang banyak berkenaan literasi kewangan. Justeru, terdapat keperluan mendesak bagi memberikan pendedahan dan pengetahuan asas mengenai literasi kewangan kepada golongan belia B40 untuk mengelakkan masalah ini daripada berlanjutan. Sekiranya masalah ini tidak dibendung, ia boleh menyebabkan masalah serius seperti pengisytiharan muflis pada usia muda; tekanan, kemurungan dan masalah mental (Dewanty & Isbanah, 2018). Selain itu, Lachance (2014) serta Ning dan Lachance (2012) juga menjelaskan bahawa sesetengah kumpulan berpendapatan rendah tidak mempunyai kredit berpatutan dan dana pelaburan yang mencukupi untuk perkhidmatan kewangan.

### ***Kerangka Kajian***

Secara khususnya, kerangka kajian ini adalah berpandukan Model Kompetensi Iceberg oleh Spencer dan Spencer (1993). Model ini boleh digunakan bagi kajian ini memandangkan ianya dapat membantu melengkapkan pemahaman individu dengan pengetahuan, kemahiran, kecekapan, nilai dan sikap. Model Kompetensi Iceberg menggunakan gambaran ilustrasi bongkah ais untuk menjelaskan konsep kompetensi seperti mana dalam Rajah 1. Sebuah bongkah ais atau iceberg yang menampakkan hanya 1 per 9 daripada isi padunya di atas air manakala, baki yang lain berada di bawah permukaan laut. Ia agak sama dengan komponen kompetensi yang dapat dilihat melalui pengetahuan dan kemahiran, namun begitu, komponen tingkah laku yang lain seperti sikap, sifat, cara berfikir, dan imej diri adalah tersembunyi atau berada di bawah permukaan.



*Rajah 1.* Model kompetensi Iceberg  
Sumber: Adaptasi daripada Spencer & Spencer (1993)

Komponen model ini boleh dikaitkan kepada kemahiran pengurusan kewangan memandangkan kecekapan kewangan melambangkan pengetahuan kewangan yang dimiliki oleh seseorang individu. Kemahiran kewangan mencerminkan sebaik mana seseorang individu itu merancang dan menguruskan kewangan mereka secara sistematik. Elemen terakhir adalah kecekapan peribadi berkenaan nilai dan tingkah laku kewangan (Kenayathulla & Jupri, 2016). Ianya mencerminkan bagaimana seseorang itu menyimpan wang dan mengamalkan perbelanjaan secara berhemat. Oleh itu, bagi menguruskan kewangan, seseorang individu bukan sahaja perlu memiliki pengetahuan berkenaan kewangan, tetapi perlu mempunyai kemahiran untuk merancang, menganalisis, mengurus, dan membincangkan berkenaan kewangan peribadi mereka.

## METODOLOGI KAJIAN

### *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui kajian sebab-perbandingan atau kuasi-eksperimental yang menggunakan soal selidik bagi menjalankan penyelidikan di kalangan belia B40. Kajian kuasi eksperimental merupakan antara kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam bidang sains sosial bagi menguji perubahan yang berlaku kepada responden setelah intervensi diberikan (Fraenkel, Wallen & Hyun, 2019). Kumpulan kawalan juga tidak diperlukan dan ianya berbeza berbanding dengan kajian eksperimental yang memerlukan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan (Creswell & Creswell, 2018). Ianya dianggap sebagai kajian yang dapat memberikan perbezaan dapatan daripada kajian pra dan kajian pasca yang dijalankan. Soal selidik pula merupakan instrumen utama bagi kebanyakan kajian kuantitatif. Bagi kajian ini, soal selidik tertutup diberikan kepada responden sebanyak dua kali iaitu pada sebelum dan selepas modul literasi kewangan diberikan kepada mereka.

### *Populasi dan Persampelan*

Populasi bagi kajian ini adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda di universiti awam di Kuala Lumpur yang mempunyai latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah atau dikategorikan sebagai B40 dengan pendapatan isi rumah RM 4,849 dan ke bawah. Selain itu, mereka juga adalah penerima bantuan zakat daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS). Pelajar diminta hadir ke program literasi kewangan yang dijalankan dalam empat siri. Bilangan sampel yang ditetapkan adalah kesemua populasi pelajar yang menghadiri modul ini secara lengkap daripada modul 1 hingga modul terakhir iaitu modul 4. Daripada pelajar ini, terdapat hanya 22 peserta mengikuti modul ini dengan sempurna dan mereka telah diberi

ujian pra yang diadakan sebelum modul dijalankan dan ujian pasca iaitu selepas selesai keempat-empat modul. Menurut Sanchez (1997), kajian sebab-perbandingan memerlukan sekurang-kurangnya 15 subjek bagi setiap kumpulan bagi menghasilkan dapatan kajian yang baik. Bagi Fraenkel dan Wallen (2003), tiada jawapan paling tepat terhadap jumlah sampel yang diperlukan dalam sesebuah kajian dan jawapan terbaik adalah bergantung kepada sebanyak mana sampel yang dapat diperolehi oleh pengkaji dengan sumber masa dan tenaga yang munasabah.

### ***Instrumen Kajian***

Penggunaan soal selidik adalah bersesuaian untuk kajian ini kerana ia dapat mencapai sejumlah responden dalam masa yang agak cepat (Ary, Jacobs, Irvine, & Walker, 2019). Soal selidik ini terdiri daripada 69 soalan yang dikategorikan kepada empat bahagian yang merangkumi seksyen A, B, C dan D. Seksyen A adalah maklumat demografi peserta yang terdiri daripada 9 soalan berkaitan faktor sosioekonomi (rujuk Jadual 2). Seksyen B, C, dan D terdiri daripada 20 soalan berkenaan pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 2. Soal selidik melalui borang Google telah direka bagi membantu peserta mendapat akses secara mudah dan senang. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan modul literasi kewangan bagi belia B40 di mana modul ini berfokus kepada 3 elemen utama berkenaan literasi kewangan iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan sikap kewangan. Ia membantu mengenal pasti tahap celik kewangan di kalangan golongan B40 sebelum dan selepas pelaksanaan modul kewangan dan mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan di antara peserta sebelum dan selepas pelaksanaan modul literasi kewangan.

### ***Prosedur Pengumpulan Data***

Pengumpulan data telah dilakukan di dalam program literasi kewangan melalui ujian pra dan pasca terhadap peserta program. Sasaran bagi kajian ini adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda di universiti awam di Kuala Lumpur yang mempunyai latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah dan juga penerima zakat daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS). Bagi mengumpul data, kajian ini melibatkan beberapa siri bengkel bagi memberikan pendedahan kepada pelajar berkenaan modul literasi kewangan, di mana sejumlah 22 orang peserta telah menghadiri bengkel ini. Data bagi kajian ini dikumpul sebelum dan selepas bengkel berjalan, kerana kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan di antara peserta sebelum dan selepas pelaksanaan modul literasi kewangan.

### ***Analisis Data***

Data yang diperolehi dari kajian ini telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) secara deskriptif melalui min dan sisihan piawai serta statistik inferensi menggunakan ujian T sampel berpasangan. Ujian T sampel berpasangan merupakan statistik parametrik yang digunakan bagi mencari perbezaan sampel yang sama di awal dan akhir intervensi yang dijalankan. Bagi analisis secara deskriptif, interpretasi skor min adalah seperti berikut: (i) skor 1-2.33 adalah tahap rendah, (ii) skor 2.34-3.66 adalah tahap sederhana dan (iii) skor 3.67-5 adalah tahap tinggi (Jamil Ahmad, 2002). Berdasarkan ujian normaliti yang telah dijalankan juga, data adalah memenuhi andaian yang diperlukan bagi ujian parametrik dijalankan melalui ujian T sampel berpasangan. Kebolehpercayaan instrumen kajian juga telah dianalisis dengan menggunakan kaedah konsistensi dalaman. Jadual 1 menunjukkan skor reliabiliti bagi kajian ini yang turut dikenali sebagai Cronbach's Alpha bagi menguji konsistensi dalaman item terlibat. Pemerhatian menunjukkan bahawa semua sub-item mempamerkan konsistensi dalaman yang tinggi ( $>.8$ ) dan 0.914 bagi keseluruhan item yang bermakna semua item adalah sah dan boleh digunakan sebagai instrumen pengumpulan data.

Jadual 1

*Nilai Cronbach's Alpha*

	No Item	Cronbach's Alpha
Pengetahuan kewangan	20	.940
Tingkah laku kewangan	20	.848
Sikap kewangan	20	.854
Jumlah keseluruhan item	60	.914

**DAPATAN KAJIAN***Maklumat Demografi*

Maklumat demografi berkenaan pelajar telah dikumpulkan, di mana ciri peserta termasuklah umur, jantina, bidang pembelajaran, bangsa, beserta latar belakang pendidikan, pekerjaan dan pendapatan bulanan ibu bapa peserta telah dikenalpasti sepertimana di dalam Jadual 2. Sejumlah 22 orang peserta terlibat di dalam kajian ini; 10 (45.5%) daripada mereka merupakan lelaki dan 12 (54.5%) merupakan perempuan. Usia mereka adalah di antara 19 sehingga 23 tahun; dan skor adalah daripada (18.2%), 3 (13.6%), 8 (36.4%), 6 (27.3%) dan 1 (4.5%). Skor tertinggi 88 (36.4%) adalah daripada usia 21 tahun dan kesemua peserta adalah daripada bangsa Melayu.

Selain daripada itu, peserta juga diminta untuk memberikan maklumat berkenaan latar belakang pendidikan ibu bapa dan daripada kajian itu, ibu bapa peserta yang mempunyai sijil adalah sebanyak 11 (50%) daripada golongan bapa dan 15 (68.2%) daripada golongan ibu. Manakala, bagi pekerjaan ibu bapa, 3 (13.6%) daripada golongan bapa tidak bekerja manakala, yang lain bekerja sendiri dengan 6 (27.3%), bersara dengan 2 (9.1%), pekerja buruh dengan 3(13.6%), pekerja sambilan dengan 6 (27.3%) and pengurus dengan (9.1%). Walau bagaimanapun, bagi pekerjaan ibu pula, majoriti bagi golongan ini adalah tidak bekerja dengan jumlah skor sebanyak 8(36.4%); 7 (31.8%) adalah bekerja sendiri; 1 (4.5%) adalah bersara dan 6 (27.3%) adalah pekerja buruh. Seterusnya, pendapatan bulanan bagi kedua ibu bapa peserta menunjukkan bahawa responden sememangnya berasal daripada keluarga berpendapatan rendah seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 2.

Jadual 2

*Maklumat Demografi*

Item		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	10	45.5
	Perempuan	12	54.5
	Jumlah	22	100
Umur	19 tahun	4	18.2
	20 tahun	3	13.6
	21 tahun	8	36.4
	22 tahun	6	27.3
	23 tahun	1	4.5
	Jumlah	22	100
Bangsa	Melayu	22	100
	India	0	0
	Cina	0	0
	Lain-lain	0	0
	Jumlah	22	100
Pendidikan bapa	Tiada sijil	5	22.7
	Sijil	11	50.0

	Diploma	1	4.5
	Ijazah Sarjana Muda	5	22.7
	Jumlah	22	100
Pendidikan ibu	Tiada sijil	4	18.2
	Sijil	15	68.2
	Diploma	2	9.1
	Ijazah Sarjana Muda	1	4.5
	Jumlah	22	100
Pekerjaan bapa	Bekerja sendiri	6	27.3
	Bersara	2	9.1
	Pekerja buruh	3	13.6
	Pekerja sambilan	6	27.3
	Pengurus	2	9.1
	Tidak bekerja	3	13.6
	Jumlah	22	100
Pekerjaan ibu	Bekerja sendiri	7	31.8
	Bersara	1	4.5
	Pekerja buruh	6	27.3
	Pekerja sambilan	0	0
	Pengurus	0	0
	Tidak bekerja	8	36.4
	Jumlah	22	100
Gaji bulanan bapa	RM1000 & ke bawah	14	63.6
	RM1001-RM2000	3	13.6
	RM2001-RM3000	3	13.6
	RM3001-RM4000	2	9.1
	RM4001-RM5000	0	0
	RM5001 & ke atas	0	0
	Jumlah	22	100
Gaji bulanan ibu	RM1000 & ke bawah	10	45.5
	RM1001-RM2000	10	45.5
	RM2001-RM3000	2	9.1
	RM3001-RM4000	0	0
	RM4001-RM5000	0	0
	RM5001 & ke atas	0	0
	Jumlah	22	100

### ***Tahap Literasi Kewangan Dalam Kalangan Golongan B40 Sebelum dan Selepas Pelaksanaan Modul***

Bagi memenuhi objektif kajian yang pertama, jadual 3 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai tahap literasi kewangan yang merangkumi pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan sikap kewangan sebelum dan selepas pelaksanaan modul literasi kewangan. Nilai min juga telah diinterpretasikan samada ianya berada dalam tahap rendah, tinggi atau sederhana. Dapat dilihat bagi semua item amalan literasi kewangan, min bagi amalan selepas pelaksanaan modul (ujian pasca) adalah lebih tinggi berbanding min sebelum pelaksanaan modul literasi kewangan (ujian pra). Sebahagian besar item juga menunjukkan perubahan daripada tahap rendah atau sederhana kepada tahap tinggi selepas daripada pelaksanaan modul literasi kewangan yang telah dijalankan.



Jadual 3

*Taburan sisihan piawai (SP) dan min berkenaan pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan sikap kewangan*

Perkara	Ujian Pra			Ujian Pasca		
	Min	SP	Tahap	Min	SP	Tahap
Pengetahuan kewangan	2.0841	2.0841	Rendah	3.5372	.55256	Sederhana
B1 Belanjawan adalah sejenis perancangan kewangan	1.45	.510	Rendah	4.18	.664	Tinggi
B2 Belanjawan membantu saya berbelanja secara berhemah	2.27	.550	Rendah	4.18	.664	Tinggi
B3 Gaji saya dikenali sebagai pendapatan	2.23	.528	Rendah	4.18	.664	Tinggi
B4 Kadar faedah adalah berdasar jenis institusi kewangan seperti bank	2.50	.598	Sederhana	4.18	.853	Tinggi
B5 Kadar peruntukan 10% untuk simpanan adalah idea baik	1.41	.503	Rendah	3.77	.869	Tinggi
B6 Faedah adalah syarat pinjaman apabila saya meminjam wang dari institusi kewangan	1.45	.510	Rendah	4.05	.722	Tinggi
B7 Duit yang telah saya gunakan dikenali sebagai perbelanjaan	1.45	.510	Rendah	3.55	1.143	Sederhana
B8 Belanjawan mempunyai 2 transaksi iaitu pendapatan dan perbelanjaan	2.50	.598	Sederhana	4.32	.716	Tinggi
B9 Pembelian insuran polisi adalah pelaburan yang baik	2.55	.671	Sederhana	4.09	.684	Tinggi
B10 Apabila saya meminjam wang dari institusi kewangan, saya akan cuba mendapatkan kadar faedah yang rendah	2.45	1.011	Sederhana	3.50	.964	Sederhana
B11 Meminjam wang dari bank adalah merugikan bagi saya daripada menggunakan simpanan yang saya miliki.	2.36	.727	Sederhana	3.95	.899	Tinggi
B12 Penggunaan kad kredit adalah bersamaan dengan saya meminjam wang dari institusi kewangan	1.36	.492	Rendah	3.27	1.032	Sederhana

B13	Penggunaan kad debit bermakna saya menggunakan simpanan saya	1.55	.510	Rendah	4.14	.889	Tinggi
B14	Kadar faedah tertentu dikenakan kepada saya semasa menyimpan atau melabur wang dalam institusi kewangan	2.05	.785	Rendah	3.68	.889	Tinggi
B15	Kadar faedah adalah tinggi apabila saya meminjam wang dari institusi kewangan	2.50	.740	Sederhana	3.41	.854	Sederhana
B16	Peningkatan harga barangan mengurangkan kuasa beli pengguna	2.27	.827	Rendah	4.32	.945	Tinggi
B17	Membeli barangan dalam hutang akan mengurangkan kuasa beli pengguna pada masa akan datang	2.41	.590	Sederhana	3.68	.995	Tinggi
B18	Keluarga perlu mempunyai simpanan kecemasan sekurang-kurangnya 3 bulan pendapatan keluarga	2.41	.590	Sederhana	4.23	.813	Tinggi
B19	Melaburkan wang sendiri di institusi kewangan adalah menguntungkan daripada meminjam untuk pelaburan	3.05	1.253	Sederhana	3.64	.953	Sederhana
B20	Pemilikan kad kredit meningkatkan daya beli pengguna	1.45	.510	Rendah	3.55	1.057	Sederhana
	Tingkah laku kewangan	2.4455	2.4455	Sederhana	3.2975	.42795	Sederhana
C1	Pembelian saya adalah bergantung kepada keperluan hidup	2.41	.590	Sederhana	3.77	.752	Tinggi
C2	Saya membandingkan harga sebelum membeli produk yang melibatkan barangan dan perkhidmatan	1.36	.492	Rendah	4.00	.690	Tinggi
C3	Saya menjelaskan bayaran PTA sebelum tempoh berakhir	2.45	.739	Sederhana	3.82	1.097	Tinggi

C4	Saya menganalisis kadar tukaran semasa sebelum membuat pembelian produk yang diimport	2.14	.710	Rendah	3.36	1.093	Sederhana
C5	Saya merancang belanjawan untuk jangka masa panjang	2.82	1.296	Sederhana	3.55	1.011	Sederhana
C6	Saya mengelak daripada mengelakkan bantuan kewangan apabila terdesak	2.27	.703	Rendah	3.09	1.019	Sederhana
C7	Saya merancang untuk berbelanja sebelum membuat transaksi pembelian	2.45	1.011	Sederhana	3.77	.922	Tinggi
C8	Saya menyimpan sejumlah wang tetap setiap bulan	2.45	.596	Sederhana	2.77	.973	Sederhana
C9	Saya mengumpul maklumat tentang pengalaman individu yang berjaya sebelum transaksi pembelian	2.32	.716	Rendah	3.00	1.113	Sederhana
C10	Saya menganalisa kekuatan dan kelemahan sesebuah produk	2.55	.596	Sederhana	3.73	1.032	Tinggi
C11	Saya menganalisa kedudukan kewangan saya sebelum membeli barangan	2.32	.839	Rendah	3.95	.950	Tinggi
C12	Saya bertanggungjawab untuk kelangsungan hidup saya	2.05	.844	Rendah	4.00	.873	Tinggi
C13	Saya pentingkan kualiti daripada harga produk	2.41	.590	Sederhana	3.55	.912	Sederhana
C14	Saya bimbang dengan tempoh jaminan atau jaminan produk	2.27	.985	Rendah	4.14	.774	Tinggi
C15	Saya menyimpan wang saku saya setiap hari	2.14	.774	Rendah	3.09	.811	Sederhana
C16	Saya merancang perbelanjaan saya	2.27	.631	Rendah	3.91	.868	Tinggi
C17	Saya menyenaraikan produk mengikut keutamaan saya sebelum membeli barangan	2.18	.733	Rendah	4.00	.816	Tinggi

C18	Saya berbelanja mengikut keperluan saya	2.55	.671	Sederhana	4.05	.785	Tinggi
C19	Saya akan memikirkan semula semua perbelanjaan saya	2.32	.780	Rendah	3.64	1.049	Sederhana
C20	Saya berbelanja mengikut perancangan saya	2.86	1.125	Sederhana	3.36	.848	Sederhana
Sikap kewangan		2.0318	2.0318	Rendah	3.2417	.46363	Sederhana
D1	Wang adalah alat belibelah	2.41	.503	Sederhana	3.68	.945	Tinggi
D2	Saya berbelanja berdasarkan keperluan semasa berbanding keperluan masa depan kepada semasa	2.59	.734	Sederhana	3.23	1.066	Sederhana
D3	Saya merasa berpuas hati apabila wang dibelanjakan	2.27	1.420	Rendah	2.77	.869	Sederhana
D4	Saya berlatih membayar secara tunai semasa pembelian barangan	2.64	.790	Sederhana	3.91	.921	Tinggi
D5	Saya berhemat dalam pembelian produk	2.50	.598	Sederhana	3.77	1.020	Tinggi
D6	Saya suka membeli barangan yang telah digunakan kerana faktor harga	2.91	.971	Sederhana	3.36	1.293	Sederhana
D7	Saya suka meminjam wang dari institusi kewangan	2.91	1.109	Sederhana	2.32	1.171	Rendah
D8	Saya suka berbelanja semasa promosi	2.27	.985	Rendah	3.68	.995	Tinggi
D9	Saya telah memberikan maklumat kewangan untuk kegunaan masa depan	2.32	.894	Rendah	3.27	.935	Sederhana
D10	Saya sedar tentang status kewangan ibu bapa saya	1.32	.477	Rendah	4.27	.883	Tinggi
D11	Saya cuba meringankan kesusahan ibu bapa saya	2.36	.581	Sederhana	4.32	.780	Tinggi
D12	Wang sangat penting dalam hidup	1.36	.492	Rendah	4.41	.796	Tinggi
D13	Saya gembira dengan bantuan kewangan ibu bapa saya	1.36	.492	Rendah	4.05	.999	Tinggi

D14	Saya bersyukur atas wang yang diberikan oleh ibu bapa	2.64	1.364	Sederhana	4.50	.598	Tinggi
D15	Saya berkomunikasi dengan ibu bapa saya apabila saya mempunyai krisis kewangan	2.27	.883	Rendah	3.55	1.224	Sederhana
D16	Perbelanjaan saya adalah selaras dengan bajet	1.59	.590	Rendah	3.45	1.101	Sederhana
D17	Saya yakin dengan konsep kreditur mengenai beban / tanggungan saya sendiri	1.50	.512	Rendah	3.41	1.098	Sederhana
D18	Saya yakin bahawa konsep pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan boleh memberi impak kepada saya	2.95	1.046	Sederhana	3.77	1.066	Tinggi
D19	Amalan penjimatan bukanlah budaya hidup saya	1.91	.921	Rendah	2.41	.854	Sederhana

#### *Perbezaan Sebelum dan Selepas Pelaksanaan Modul Literasi Kewangan*

Bagi mencapai objektif kajian yang kedua, analisis ujian-T sampel berpasangan telah dijalankan bagi menentukan samada terdapat perbezaan yang signifikan dalam literasi kewangan sebelum dan selepas pelaksanaan modul literasi kewangan. Hipotesis yang digunakan bagi mengkaji perbezaan ini adalah seperti di bawah:

H0: Terdapat perbezaan signifikan literasi kewangan antara ujian pra dan ujian pasca.

H1: Tidak terdapat perbezaan signifikan literasi kewangan antara ujian pra dan ujian pasca.

#### Jadual 4

##### *Statistik sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pasca untuk literasi kewangan*

			Min	N	Sisihan Piawai	Min Ralat Piawai	Korelasi	Sig. (2- hujung)
Pasangan 1	Ujian Pra Kewangan	Literasi	2.197 7	22	.32389	.06905	.152	.498
	Ujian Pasca Kewangan	Literasi	3.694 7	22	.38077	.08118		

Jadual 5

*Ujian-T sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pasca untuk literasi kewangan*

		Perbezaan Berpasangan					t	df	Sig. (2-hujung)
		Min	Sisihan Piawai	Min Ralat Piawai	95% Keyakinan Bawah	Sela Keyakinan Atas			
Pasangan 1	Ujian Pra dan Ujian Pasca Literasi Kewangan - Ujian Pasca Literasi Kewangan	1.49697	.46075	.09823	1.29268	1.70126	15.239	21	.000

Jadual 4 dan Jadual 5 menunjukkan analisis statistik min dan Ujian-T sampel berpasangan dimana keputusan merupakan ( $t = 15.239$ ,  $df = 21$ ,  $P .000$ ), yang memberi indikator bahawa hipotesis nol ditolak dan sekaligus menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan literasi kewangan peserta sebelum dan selepas modul dijalankan. Walaubagaimanapun, skor min bagi ujian pra dan ujian pasca menunjukkan skor 2.1977 dan 3.6947 dengan perbezaan sebanyak 1.49697. Jumlah yang tinggi bagi skor min selepas modul ini telah dilaksanakan menunjukkan keberkesanan pengaplikasian modul. Dalam erti kata lain, keputusan ini menunjukkan bahawa pengaplikasian pengetahuan kewangan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan harian di kalangan belia B40. Menurut Kurczewsk dan Solarz (2015), pendidikan seperti ini memberi kesan terhadap pengetahuan dan kemahiran kewangan belia, yang akan turut membantu mereka dalam literasi kewangan dan keupayaan kewangan.

#### ***Keputusan Ujian Pra dan Pasca bagi Pengetahuan Kewangan***

Keputusan dalam jadual 6 menunjukkan bahawa nilai  $t = 12.639$  adalah signifikan kerana  $p < 0.001$ . Secara jelas, keputusan ujian t menunjukkan terdapat perbezaan signifikan di dalam pengetahuan kewangan pelajar sebelum dan selepas pelaksanaan modul literasi kewangan ( $t = 12.639$ ,  $df = 21$ ,  $P .000$ ). Kajian ini konsisten dengan Ergun (2018) yang menyatakan bahawa dengan menghadiri kursus literasi kewangan, akan terdapat impak positif dan signifikan terhadap literasi kewangan. Pengetahuan kewangan adalah amat penting dan secara statistiknya, merupakan faktor yang mempengaruhi pemahaman pelajar berkenaan pelbagai perkara kewangan. Pelajar yang mempunyai pengetahuan kewangan akan mempunyai kelebihan yang lebih tinggi dalam menguruskan perbelanjaan berbanding rakan sebaya mereka yang lain.

Jadual 6

*Ujian-T sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pasca untuk pengetahuan kewangan*

		Perbezaan Berpasangan					t	df	Sig. (2-hujung)
		Min	Sisihan Piawai	Min Ralat Piawai	95% Keyakinan Bawah	Sela Keyakinan Atas			
Pasangan 1	Ujian pra dan ujian pasca untuk pengetahuan kewangan	1.45310	.53925	.11497	1.21401	1.69219	12.639	21	.000

### *Keputusan Ujian Pra dan Pasca bagi Tingkah Laku Kewangan*

Daripada keputusan yang ditunjukkan di Jadual 7, terdapat perbezaan min bagi skor ujian pra dan ujian pasca dengan nilai  $T = 6.872$  dan min  $0.85207$ . Nilai signifikan juga kurang daripada  $0.05$  iaitu,  $0.000$ , turut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara ujian pra dan ujian pasca berkenaan tingkah laku kewangan setelah pelaksanaan modul literasi kewangan ( $t = 6.872$ ,  $df = 21$ ,  $P = .000$ ). Ini menunjukkan bahawa tingkah laku pelajar selepas ujian adalah lebih baik daripada ujian pra setelah mengikuti seminar ini selama beberapa minggu. Oleh itu, keputusan ini menunjukkan kesan latihan literasi kewangan adalah selari dengan pandangan Kaiser dan Lukas, (2017) yang menyokong bahawa latihan mampu memberi kesan dalam meningkatkan tingkah laku menabung berbanding tingkah laku meminjam di kalangan responden.

Jadual 7

#### *Ujian-T sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pasca untuk tingkah laku kewangan*

		Perbezaan Berpasangan				t	df	Sig. (2-hujung)	
		Min	Sisihan Piawai	Min Ralat Piawai	95% Keyakinan Perbezaan Bawah Atas				Sela bagi
Pasangan 1	Ujian pra dan ujian pasca untuk tingkah laku kewangan	.85207	.58159	.12400	.59420	1.10993	6.872	21	.000

### *Keputusan Ujian Pra dan Pasca bagi Sikap Kewangan*

Jadual 8 menunjukkan keputusan ujian pra dan ujian pasca terhadap sikap kewangan responden sebelum dan selepas pelaksanaan modul literasi kewangan. Hasil keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek sikap kewangan antara sebelum dan selepas pelaksanaan modul literasi kewangan di mana terdapat peningkatan yang ketara bagi ujian pasca. ( $t = 9.289$ ,  $df = 21$ ,  $P = .000$ ). Dapat dirumuskan bahawa literasi kewangan membantu dalam membangunkan sikap positif berkenaan kewangan dalam diri pelajar. Oleh itu, sikap kewangan adalah bergantung kepada perubahan peningkatan literasi kewangan individu itu tersendiri. Literasi kewangan dan sikap kewangan menentukan bukan sahaja tingkah laku kewangan individual, malahan kesejahteraan kewangan mereka.

Jadual 8

#### *Ujian-T sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pasca untuk sikap kewangan*

		Perbezaan Berpasangan				t	df	Sig. (2-hujung)	
		Min	Sisihan Piawai	Min Ralat Piawai	95% Keyakinan Perbezaan Bawah Atas				Sela bagi
Pasangan 1	Pra Ujian dan Selepas Ujian untuk Sikap Kewangan	1.20992	.61091	.13025	.93906	1.48078	9.289	21	.000

## PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan modul literasi kewangan untuk belia B40 (keluarga berpendapatan rendah) di universiti awam. Analisis skor literasi kewangan menyokong bahawa modul ini mempunyai keberkesanan kerana skor literasi kewangan peserta meningkat lebih tinggi daripada skor sebelum ujian. Ini mencadangkan bahawa dalam satu tempoh masa tertentu, pemahaman pelajar berkenaan kewangan dapat dipertingkatkan daripada modul yang telah dijalankan.

Daripada dapatan kajian, ianya jelas menunjukkan bahawa modul literasi kewangan yang direka telah memberi fokus tentang kepentingan meningkatkan pengetahuan kewangan golongan belia untuk meningkatkan keberkesanan diri, tingkah laku dalam membuat keputusan, dan kesihatan kewangan secara keseluruhan. Hasil daripada kajian ini adalah konsisten dengan pandangan oleh Gill dan Bhattacharya (2017), di mana pengetahuan kewangan memberi pengaruh signifikan terhadap sikap kewangan; manakala pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan memberi pengaruh positif terhadap sikap kewangan (Potrich, Vieira, & Mendes-Da-Silva, 2016; Yong, Yew, & Wee, 2018).

Kajian oleh Balloch, Nicolae, dan Philip (2015), juga menyatakan bahawa konsep pengetahuan kewangan adalah asas dalam membuat keputusan yang baik. Ia dikaitkan dengan kesejahteraan kewangan seseorang individu untuk jangka masa yang lama dan menjadikan mereka kurang terdedah kepada penipuan atau eksploitasi. Begitu juga dengan kajian oleh Sugiyanto, Radianto, Efrata dan Dewi (2019) yang melaporkan tentang kelebihan pengetahuan program pendidikan kewangan. Lanjutan daripada itu, penyebaran pengetahuan kewangan dan aspek-aspek kemahiran kewangan yang lain telah menunjukkan bahawa pendidikan kewangan mempunyai impak positif terhadap literasi kewangan.

Di dalam kajian oleh Andreou dan Philip (2018), mereka mendapati bahawa di dalam pengurusan kredit dan hutang kad, pengetahuan kewangan mempunyai pengaruh yang signifikan. Ahmad, Ripain, Bahari, dan Shahar (2016) menegaskan bahawa pendidikan literasi kewangan yang tidak bersesuaian akan dikaitkan dengan tingkah laku buruk seperti terlebih hutang. Mereka merasakan bahawa seseorang yang mempunyai jaminan kewangan, pengetahuan dan kepuasan kewangan yang tinggi, akan mempunyai kaitan yang lebih tinggi dengan tingkah laku kewangan yang baik.

Kajian Nye dan Hillyard (2013) memberikan indikasi bahawa semakin tinggi pendapatan, semakin besar aset, semakin baik pendidikan dan kekuatan pengiraan semuanya adalah dikaitkan dengan literasi kewangan dan tingkah laku kewangan. Sesungguhnya tingkah laku kewangan yang baik akan memberi kesan yang positif terhadap simpanan, perancangan persaraan, pengurusan risiko dan pengurusan kredit. Potrich et al. (2016) menjelaskan bahawa semakin tinggi pengetahuan kewangan seseorang, maka semakin tinggi tahap tingkah laku kewangan seseorang itu. Justeru itu, kursus dan seminar kewangan membuat pelajar lebih menyedari berkenaan kepentingan tingkah laku kewangan yang baik (Borden et al., 2008). Seseorang yang terlibat dalam tingkah laku kewangan yang baik akan lebih berpuas hati dari segi kewangan. Bagi mendidik tingkah laku kewangan yang baik, pendidikan kewangan merupakan salah satu bahagian utama yang perlu dijalankan.

Oleh itu, perkara yang perlu diambil maklum adalah, tingkah laku kewangan dapat diukur sebagai komponen penting bagi kesejahteraan kewangan, berdasarkan teknik literasi kewangan. Sesiapa yang menunjukkan tingkah laku kewangan yang baik akan lebih berpuas hati dengan kewangan peribadi mereka. Ini adalah kerana tingkah laku kewangan yang baik, seseorang individu akan lebih bermotivasi untuk mengawal keadaan kewangan mereka dengan lebih sistematik di masa hadapan. Mien dan Thao (2015) di dalam kajian mereka menyatakan bahawa sikap kewangan adalah sikap yang boleh membentuk cara seseorang itu bertindak dalam perancangan kewangan seperti pelaburan, simpanan dan penggunaan wang. Setiyani dan Solichatun (2019) juga menambah bahawa sikap kewangan peribadi



seseorang mempunyai pengaruh penting dalam kesejahteraan kewangan, ini adalah kerana sikap akan menentukan keputusan yang diambil oleh individu setiap hari.

Di samping itu, Dwiastanti (2017) menyatakan bahawa sikap kewangan lebih berarahkan kepada cara berfikir, pendapat, dan pandangan berkenaan amalan kewangan. Justeru, sekiranya pelajar mampu memberikan pendapat, pandangan dan pemikiran berkenaan amalan kewangan mereka, mereka akan dapat memberikan sokongan kepada diri sendiri dalam membuat keputusan. Ini bermakna, seseorang individu dengan sikap yang baik berkenaan kewangan dapat memberikan sokongan terhadap disiplin diri dalam melaksanakan tingkah laku atau keputusan. Setiyani dan Solichatun (2019) juga telah mencadangkan di dalam kajian mereka bahawa sekiranya seorang pelajar boleh mencapai sikap kewangan yang positif di dalam kehidupan harian, ia akan membuatkan pelajar mampu untuk mengawal kewangan untuk mencapai sasaran kewangan yang optimal.

Huston (2010) juga bersetuju bahawa literasi kewangan adalah diperlukan bagi memastikan pelaksanaan tugas dalam kewangan peribadi bagi meningkat kesejahteraan kewangan. Walau bagaimanapun, selain daripada literasi kewangan, Redmund (2010) berpendapat bahawa tingkah laku kewangan turut dipengaruhi oleh sikap peribadi, tahap kawalan diri, ibu bapa dan keluarga, rakan sebaya beserta pekerjaan. Dapat disimpulkan bahawa literasi kewangan mempunyai kaitan dengan perancangan kewangan bagi mempengaruhi kepuasan kewangan secara positif. Ini adalah kerana, literasi kewangan dapat mengurangkan tekanan di samping meningkatkan kebajikan keluarga atau seseorang individu (Ali, Rahman, & Bakar, 2014).

Kajian ini juga menyokong majoriti kajian yang membuktikan bahawa modul dan kandungan latihan memainkan peranan dalam meningkatkan literasi kewangan individu. Terdapat perbezaan signifikan pemahaman responden selepas latihan diberikan sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Carlin & Robinson (2010), Alejandro, Fischer & Schoar (2014) dan Wann (2017). Peserta secara umumnya akan mengalami peningkatan dari aspek pengetahuan, sikap serta tingkah laku mereka dari pelbagai aspek pengurusan kewangan misanya dari merancang, membuat perbelanjaan, melabur, membuat pinjaman dan lain-lain lagi. Kebanyakan kajian ini juga lebih menekankan kesan positif yang diterima oleh golongan belia atau mereka yang masih belajar di institusi pendidikan.

## **KESIMPULAN**

Dapat disimpulkan bahawa modul literasi kewangan yang telah dijalankan memberi kesan positif dan peningkatan terhadap literasi kewangan belia B40. Literasi kewangan ini adalah merangkumi aspek pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan juga sikap kewangan. Daripada kajian ini juga dapat dirumuskan bahawa tiga elemen yang telah dikaji memberi kesan terhadap literasi kewangan belia. Adalah diyakini bahawa terdapat faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi literasi kewangan. Kajian lanjut yang melibatkan lebih banyak pembolehubah sebagai faktor berpotensi bagi literasi kewangan adalah amat diperlukan. Kajian pada masa hadapan juga boleh mengkaji berkenaan kesan modul literasi kewangan terhadap tingkah laku jangka pendek dan jangka panjang. Terdapat kepentingan dalam memastikan bahawa kandungan literasi kewangan yang relevan akan mendedahkan potensi positif seseorang individu kerana ia akan memberi kesan kepada kewangan mereka.

## **PERAKUAN**

Penyelidikan ini dibiayai oleh GERAN RU014-2018B, Universiti Malaya.

## RUJUKAN

- Adzis, A. A., Hanita, J. A., & Shahar, K. (2017). Factors influencing young adults' debt in Malaysia *Journal of Business and Retail Management Research*, 12(1), 76-85.
- Ahmad, N. W., Ripain, N., Bahari, N. F., & Shahar, W. S. S. (2016). *The impact of financial literacy on financial behavior: A literature study*. Dibentangkan di International Conference on Economics & Banking 2016 (2nd ICEB), pp. 302-309. <http://conference.kuis.edu.my/iceb2016/e proceedings/EB029.pdf>
- Ali, A., Rahman, M., & Bakar, A. (2014). Financial satisfaction and the influence of financial literacy in Malaysia. *Social Indic Resource*, 120(1), 137-156.
- Alejandro, D., Fischer, G. & Schoar, A. (2014). Keeping it simple: Financial literacy and rules of thumb. *American Economic Journal: Applied Economics*, 6(2), 1-31.
- Andreou, P. C., & Philip, D. (2018). *Financial knowledge among university students and implications for personal debt and fraudulent investments*. Cyprus Economic Policy Review, Forthcoming. <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3250850>
- Ary D., Jacobs L. C., Irvine C. K. S., & Walker, D. (2019). *Introduction to research in education*. Andover, United Kingdom
- Balloch, A., Nicolae, A., & Philip, D. (2015). Stock market literacy, trust, and participation. *Review of Finance*, 19(5), 1925-1963.
- Bester, H., Chamberlain, D., de Koker, L., Hougaard, C., Short, R., Smith, A., & Walker, R. (2008). *Implementing financial action task force (FATF) standards in developing countries and financial inclusion: Findings and guidelines*. The FIRST Initiative, World Bank, Washington, D.C. <http://dro.deakin.edu.au/view/DU:30016859>
- Borden, L. M., Lee, S. A., Serido, J., & Collins, D. (2008). Changing college students' financial knowledge, attitudes, and behavior through seminar participation. *Journal of Family and Economic Issues*, 29, 24-40.
- Carlin, B. I. & Robinson, D. T. (2010). What does financial literacy training teach us? NBER Working Paper Series. <http://www.nber.org/papers/w16271>.
- Collins, J. M. (2013). The impacts of mandatory financial education: Evidence from a randomized field study. *Journal of Economic Behavior & Organization*, 95(C), 146-158. <http://dx.doi.org/10.1016/j.jebo.2012.08.011>.
- Creswell, J.W & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches (5th ed.)*. Los Angeles: SAGE.
- Department of Statistics, Malaysia. (2019). *Household income and basic amenities survey report*. Putrajaya: Department of Statistics, Malaysia.
- Dewanty, N. & Isbanah, Y. (2018). Determinat of financial literacy: Case study on career woman in Indonesia. *Etikonomi*, 17(2), 285-296.
- Dwiastanti, A. (2017). Analysis of financial knowledge and financial attitude on locus of control and financial management behavior. *Management and Business Review*, 1(1), 1-8. <https://doi.org/10.21067/mbr.v1i1.2043>
- Ergun, K. (2018). Financial literacy among university students: A study in eight European countries. *International Journal of Consumer Studies*, 42, 2-15.
- Fraenkel, J. K., & Wallen, N. E. (Eds.). (2003). *How to design and evaluate research in education*. New York: The McGraw-Hill Company, Inc.
- French, D., & McKillop, D. (2016). Financial literacy and over-indebtedness in low-income households. *International Review of Financial Analysis*, 48, 1-11. <https://doi.org/10.1016/j.irfa.2016.08.004>
- G20 Financial Inclusion Experts Group. (2010). *Principles for innovative financial inclusion*. [www.g20.utoronto.ca/2010/to-principles.html](http://www.g20.utoronto.ca/2010/to-principles.html)
- Gill, A., & Bhattacharya, R. (2017). The interaction of financial attitudes and financial knowledge: Evidence for low-income Hispanic family. *Atlantic Economic Journal*, 45, 497-510
- Huston, S. J. (2010). Measuring financial literacy. *The Journal of Consumer Affairs*, 44(2), 296-312.

- International Labour Organization. (2008). *Financial education: Trainer's manual*. Cambodia: International Labour Organization (ILO).
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan budaya penyelidikan dikalangan guru sekolah: Satu Penilaian*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kaiser, T., & Lukas, M. (2017). Does financial education impact financial literacy, and if so, when? *The World Bank Economic Review*, 31(3), 611-630.
- Kenayathulla, H. B., & Jupri, J. (2016). Financial management skills among kindergarten teachers in Selangor. *Malaysian Online Journal Of Educational Management*, 4(3), 68 – 80
- Kurczewsk., J., & Solarz, M. (2015). The diagnosis and improvement of financial literacy among young people. *Account Journal*, 21(2) 86 -103
- Lachance, M. (2014). Financial literacy and neighborhood effects. *Journal of Consumer Affairs*, 48(1), 1-23.
- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2014). The economic importance of financial literacy: Theory and evidence. *Journal of Economic Literature, American Economic Association*, 52(1), 5-44.
- Mandell, L. & Klein, L. S. (2009). The impact of financial literacy education on subsequent financial behaviour. *Journal of Financial Counselling and Planning*, 20 (1), 15-25.
- Mien, N. T. N., & Thao, T. P. (2015). *Factors affecting personal financial management behaviors: evidence from Vietnam*. Proceedings of the Second Asia-Pacific Conference on Global Business, Economics, Finance and Social Sciences, 532, 1-16.
- Ning, T., & Lachance, M. (2012). Financial advice: What about low-income consumers? *Journal of Personal Finance*, 11(2), 121–158
- Nordin., S. H. B., Ling., L. S., & AbdAziz., M. K. M. (2018). *Indebted to debt: An assessment of debt levels and financial buffers of households*. Financial Surveillance Department. Bank Negara Malaysia. [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en\\_publication&pg=en\\_work\\_papers&ac=65&bb=file](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_publication&pg=en_work_papers&ac=65&bb=file)
- Nye, P., & Hillyard, C. (2013). Personal financial behavior: The influence of quantitative literacy and material values. *Numeracy Advancing Education in Quantitative Literacy*, 6(1), 1-24. doi: <http://dx.doi.org/10.5038/1936-4660.6.1.3>
- OECD. (2016). *OECD/INFE International Survey of Adult Financial Literacy Competencies*. Paris: OECD. Dimuat turun [www.oecd.org/finance/OECD-INFE-International-Survey-of-Adult-Financial-Literacy-Competencies.pdf](http://www.oecd.org/finance/OECD-INFE-International-Survey-of-Adult-Financial-Literacy-Competencies.pdf)
- OECD, INFE. (2011). *Measuring financial literacy: Core questionnaire in measuring financial literacy: Questionnaire and guidance notes for conducting an internationally comparable survey of financial literacy*. Paris: OECD.
- Potrich, A. C. G., Vieira, K. M., & Mendes-Da-Silva, W. (2016). Development of a financial literacy model for university students. *Management Research Review*, 39(3), 356-376.
- Redmund, D. (2010). *Financial literacy explicated: The case for a clearer definition in an increasingly complex economy*. *The Journal of Consumer Affairs*, 44(2), 276-295.
- Jorgensen, B. L & Savia, J. (2010). Financial literacy of young adults: The importance of parental socialization. *Family Relations*, 59(4), 465-478.
- Sanchez, C. A. (1997). *Methods and techniques of research*. Manila: Rex Book Store
- Schaffer, B. A. (2016). Exploring the effect of financial literacy programs on low-income adults. *The Journal of Global Business Management*, 12(2), 61-70.
- Setiyani, R., & Solichatun, I. (2019). Financial well-being of college students: An empirical study on mediation effect of financial behavior. *KnE Social Sciences*, 3(11), 451–474. <https://doi.org/10.18502/kss.v3i11.402>
- Spencer, L. M. JR. & Spencer, S. M. (1993). *Competence at work: Model for superior performance*: England: John Wiley & Sons.
- Sugiyanto, T., Radianto, W. E. D., Efrata, T. C., & Dewi, L. (2019). Financial literacy, financial attitude, and financial behavior of young pioneering business entrepreneurs. *Advances in Economics, Business and Management Research*, 100, 353- 358.

- Wann, C. R. (2017). The impact of teaching financial literacy to college students. *Journal of Economics and Finance Education*, 16(2), 98-109.
- Williams, A. J., & Ben, O. B. (2015). College student financial capability: A framework for public policy, research and managerial action for financial exclusion prevention *International Journal of Bank Marketing*, 33(5), 637-653.
- Yong, C., Yew, S., & Wee, C. (2018). Financial knowledge, attitude and behaviour of young working adults in Malaysia. *Institutions and Economies*, 10(4), 21-48.